

Soalan-Soalan Lazim (FAQ)

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah inisiatif Malaysia Businesses & Companies Go .MY?	<p>Malaysia Businesses & Companies Go.MY merupakan satu inisiatif kolaboratif antara MYNIC Berhad dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam memudahkan perniagaan baharu yang berdaftar dengan SSM memperoleh nama domain ".COM.MY".</p> <p>Usaha ini berperanan memperkuuh penglibatan digital dan capaian dalam talian perniagaan tempatan dengan lebih mudah dan pantas.</p> <p>MyDigital Kontraktor ialah penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh MYNIC untuk menguruskan pelaksanaan inisiatif ini.</p>
2.	Siapakah yang layak mendaftar nama domain di bawah inisiatif ini?	Hanya perniagaan baharu yang didaftarkan dengan SSM sahaja layak memohon nama domain .com.my melalui inisiatif ini.
3.	Adakah inisiatif ini terpakai kepada pendaftaran syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad?	Buat sementara waktu, inisiatif ini hanya memfokuskan kepada pendaftaran perniagaan sahaja dahulu dan tidak terpakai kepada pendaftaran syarikat serta Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT).
4.	Bagaimanakah cara untuk memohon nama domain .com.my di bawah inisiatif ini?	Permohonan boleh dibuat melalui pautan khas yang diberikan dalam e-mel pengesahan selepas pendaftaran SSM anda berjaya. Sila rujuk Garis Panduan Pendaftaran Domain .
5.	Adakah semua permohonan nama domain akan diluluskan secara automatik?	Tidak. Setiap permohonan akan disemak terlebih dahulu oleh pihak MYNIC bagi memastikan ia mematuhi garis panduan nama domain .MY.
6.	Apakah sebab-sebab permohonan boleh ditolak?	<p>Permohonan boleh ditolak sekiranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nama domain mengandungi perkataan yang tidak sesuai atau melanggar garis panduan .MY.

		<ul style="list-style-type: none"> Maklumat pendaftaran yang dikemukakan tidak lengkap atau tidak sah.
7.	Apakah yang berlaku jika permohonan saya ditolak?	Jika permohonan anda ditolak, sila hubungi pihak MyDigital Kontraktor atau MYNIC untuk mendapatkan panduan dan langkah seterusnya.
8.	Berapa lamakah tempoh kelulusan nama domain?	Proses kelulusan biasanya mengambil masa 1 hari bekerja, kecuali jika memerlukan justifikasi tambahan oleh pihak MYNIC.
9.	Berapakah bayaran pendaftaran untuk inisiatif ini?	Bayaran pendaftaran adalah RM60 setahun, tidak termasuk cukai perkhidmatan.
10.	Bolehkah saya menukar nama domain selepas permohonan dihantar?	Tidak. Pertukaran nama domain tidak dibenarkan selepas permohonan dihantar.
11.	Bolehkah saya mendaftar nama domain selain daripada .com.my?	Tidak. Inisiatif ini hanya tertakluk kepada pendaftaran nama domain .com.my sahaja.
12.	Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut?	Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi ditalian 03-8211 2222 atau e-mel ke support@mydigitalcontractor.com.my.